

19/06/1999

Perdasama anjur ceramah perkenal peluang pelaburan

PERSATUAN Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama) akan menganjurkan ceramah bertajuk Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia (Mesdaq) dan majlis makan tengah hari di sebuah hotel di Kuala Lumpur pada 29 Jun ini.

Presiden Perdasama, Datuk Moehamad Izat Emir, berkata ceramah itu bertujuan memperkenalkan peluang pelaburan, khususnya dalam suasana kegawatan ekonomi semasa.

Menurutnya, ia ditujukan kepada pedagang dan pengusaha Melayu yang sebelum ini belum begitu mengenali serta faham mengenai Mesdaq.

"Antara penceramah jemputan pada majlis itu ialah Pengerusi Eksekutif Mesdaq, Khairil Anuar Abdullah," katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, kegiatan Perdasama seperti mengadakan seminar dan ceramah bertujuan membantu memulihkan ekonomi negara yang kini sudah jelas menunjukkan pemulihan sejak krisis ekonomi melanda dua tahun lalu.

Perdasama juga menyokong penuh usaha kerajaan, melalui Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menstabilkan semula ekonomi negara.

Mesdaq ditubuhkan pada awal Februari 1997 bagi membolehkan syarikat bergiat dalam bidang teknologi tinggi dan mempunyai kadar pertumbuhan tinggi mendapatkan sumber permodalannya daripada masyarakat pelabur.

Selain menanam modal dalam syarikat disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), pelabur yang pada masa ini kurang aktif dalam kegiatan membeli dan menjual saham di BSKL akan berpeluang meluaskan kegiatan melabur di Mesdaq.

Moehamad Izat berkata, syarikat berpotensi tinggi tetapi tidak atau belum mempunyai rekod prestasi berpeluang mendapatkan modal untuk meningkatkan operasi melalui pelaburan orang ramai.

Menurutnya, kegiatan itu akan memberi peluang besar kepada kejayaan projek mega negara yang dipelopori Multimedia Development Corporation Bhd (MDC), iaitu salah satu daya usaha kerajaan untuk mencapai impian menjadi negara maju.

Beliau berkata, syarikat terbabit mempunyai potensi pertumbuhan dengan kadar tinggi dan mempunyai daya tarikan kuat terhadap pelabur di Mesdaq.

Mereka yang berminat untuk menghadiri ceramah itu boleh menghubungi urus setia Perdasama di talian 03-4418193 atau faksimili 03-4452635 untuk perhatian Rahmah atau Mohd Hafez sebelum 25 Jun 1999.

(END)